

Tubuh jawatankuasa teliti terma anugerah bekas PM

RH-23/11/2021 m/s 16

Anwar persoal kewajaran hadiah bernilai RM100j kepada Najib

Oleh Rohaniza Idris dan Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Isu hadiah tanah dan rumah bernilai RM100 juta kepada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, mendapat perhatian Dewan Rakyat, semalam.

Perkara itu dibangkitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang mempersoal kewajaran Jemaah Menteri secara prinsipnya meluluskan tawaran berkenaan dalam keadaan ekonomi 'parah' ketika ini.

Katanya, perkara yang dibangkitkan itu berkaitan dengan perbelanjaan pengurusan sumber manusia pasca perkhidmatan.

"Saya ingin menegaskan bukannya bermaksud menyanggah

(permintaan) Yang Berhormat Pekan (Najib). Tetapi secara prinsip, mengapa kerajaan dan Jemaah Menteri boleh mengambil keputusan dalam kemelut ekonomi yang parah dengan mudah meluluskan wang untuk bekas Perdana Menteri," katanya membahaskan Rang Undang-undang (RUU) Perbekalan 2022 peringkat jawatankuasa.

Baru-baru ini, Menteri Kewangan, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Aziz mengesahkan menerima permohonan Najib memohon ganjaran hadiah tanah dan rumah daripada kerajaan bernilai kira-kira RM100 juta.

Bagaimanapun, Najib menolak tawaran itu, selepas isu berkenaan dimanipulasi pembangkang pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka.

Sementara itu, Jemaah Menteri bersetuju untuk menubuhkan jawatankuasa bagi meneliti terma dan syarat permohonan anugerah rumah kerajaan, bagi be-

kas Perdana Menteri yang akan datang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata jawatankuasa berkenaan juga akan meneliti kadar, syarat dan had maksimum atau kuantum bagi penyediaan tanah dan rumah bekas Perdana Menteri.



Anwar Ibrahim

Berdasarkan perenggan 21, Jadual Pertama Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 menetapkan elaun dan keistimewaan bekas Perdana Menteri, membabitkan elaun kerajaan, pemberian khas bernilai RM1 juta secara sekali bayar dan tempat kediaman.

Bagi keistimewaan tempat kediaman, bekas Perdana Menteri mempunyai tiga pilihan, sama ada rumah kerajaan dengan kelengkapan penuh dan diselenggarakan percuma; elaun sewa rumah bernilai RM10,000 sebulan jika mendiami rumah sendiri atau sebuah rumah kera-

jaan sesuai dengan status bekas Perdana Menteri ditawarkan secara percuma.

Turut mencelah perbahasan itu, Mohamad Sabu (PH-Kota Raja), yang secara sinis menyatakan bagi mengenang jasa Perdana Menteri yang terdahulu, ganjaran mesti diberikan.

"Adakah Ketua Pembangkang bersetuju jika kita berikan RM1 bilion kepada Tunku Abdul Rahman kerana beliau Bapa Kemerdekaan dan Tun Abdul Razak, Bapa Pembangunan RM500 juta, Tun Hussein Onn Bapa Perpaduan cukuplah RM300 juta dan tambahan RM2 bilion untuk Tun Dr Mahathir Bapa Pembangunan Moden yang menjadi Perdana Menteri paling lama berkhidmat lebih 21 tahun.

"Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Najib memadai RM100 juta. Biar negara ini bankrap tidak apa. Tapi yang penting imbuhan ini kepada bekas Perdana Menteri," katanya.

Menjawab celahan Mohamad, Anwar berkata, beliau faham dengan semangat hutang budi, tetapi perkara itu akan membebankan kerajaan.